



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN
KOD KURSUS : DSM 2083
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua (2)** bahagian: BAHAGIAN A (30 Markah)
BAHAGIAN B (70 Markah)
2. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam kertas jawapan objektif dan **BAHAGIAN B** di dalam buku jawapan yang diberikan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 19 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A (SECTION A)

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan. Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

(*This section consists of THIRTY (30) questions. Answer ALL questions in the Objective Answer Booklet .*)

1. Undang-undang Malaysia boleh didapati dalam kehakiman di mahkamah-mahkamah berikut **kecuali**

(*The Malaysian law is applicable in judicial jurisdiction in the following courts except*)

- A Mahkamah Persekutuan.

(*The Federal Court.*)

- B Mahkamah Tinggi.

(*The High Court.*)

- C Mahkamah Seksyen.

(*The Sessions Court.*)

- D Majlis Privy.

(*Privy Council.*)

2. Manakah antara berikut **bukan** sebahagian daripada proses perundangan?

(*Which of the following is not part of the legislative process?*)

- A Bacaan kali ketiga.

(*Third reading.*)

- B Bacaan kali keempat.

(*Fourth reading.*)

- C Peringkat jawatan kuasa.

(*Committee stage.*)

- D Kelulusan Agong.

(*Royal Assent.*)

3. Perundangan subsidiari terdiri daripada

(*Subsidiary legislation is made up of*)

- A duluan kehakiman, alasan penghakiman, cakap-cakap kosong.
(*precedents, ratio decidendi and obiter dicta.*)
- B Akta, Ordinan dan Enakmen.
(*Acts, Ordinances and Enactments.*)
- C bil kerajaan, bil persendirian, bil persendirian ahli, bil hybrid.
(*government bills, private bills, private members bills and hybrid bills.*)
- D Pengisytiharaan, Peraturan, Arahan, Pekeliling dan Undang-Undang Kecil.
(*Proclamation, Regulation, Order, Notification and By-Laws.*)

4. Undang-undang persendirian terdiri daripada

(*Private law is comprised of*)

- A undang-undang persekutuan, undang-undang jenayah dan undang-undang keluarga.
(*constitutional law, criminal law and family law.*)
- B undang-undang pentadbiran, undang-undang kontrak dan undang-undang harta.
(*administrative law, law of contract and law of succession.*)
- C undang-undang kontrak, undang-undang tort dan undang-undang keluarga.
(*law of contract, law of tort and family law.*)
- D undang-undang pentadbiran, undang-undang amanah dan undang-undang jenayah.
(*administrative law, law of trust and criminal law.*)

5. Mahkamah di dalam kes di bawah telah memutuskan bahawa iklan adalah suatu pelawaan tawaran.

(*It was decided in this case that an advertisement is an invitation to treat.*)

- A *Carlill v Carbolic Smoke Ball Co.*
- B *Harris v Nickerson.*
- C *Pharmaceutical Society of Great Britain v Boots.*
- D *Coelho v Public Services Commission.*

6. Secara amnya, berikut merupakan orang-orang yang tidak layak untuk berkontrak **kecuali**

(*Generally, the following people do not have the capacity to enter into a valid contract, except*)

- A kanak-kanak.
(*infants.*)
- B dewasa.
(*majors.*)
- C orang tidak sempurna akal.
(*insane people.*)
- D orang bankrupt.
(*bankrupt.*)

7. Berikut merupakan peraturan-peraturan balasan **kecuali**

(*The following are rules on consideration, except*)

- A balasan mestilah memadai supaya adil.
(*consideration must be adequate so as to be fair.*)
- B balasan tidak perlu datang daripada penerima janji.
(*consideration need not come from the promise.*)
- C balasan lampau adalah balasan yang sah.
(*past consideration is valid consideration.*)
- D perjanjian tanpa balasan adalah batal.
(*an agreement without consideration is void.*)

8. Kontrak boleh batal adalah

(*A voidable contract is*)

A 'void ab initio'.

(*void ab initio.*)

B batal dari mula.

(*void from the beginning.*)

C sah tetapi menjadi tidak sah disebabkan oleh menyalahi undang-undang.

(*valid but become void because of illegality.*)

D sah dan mengikat sehingga pihak yang layak memilih untuk menolaknya.

(*valid and binding until the party entitle to avoid it, chooses to do so.*)

9. Pak Kapaw memindah milik rumah kepada anaknya tanpa sebarang balasan. Di

bawah undang-undang kontrak, kontrak ini sah disebabkan oleh

(*Pak Kapaw transfers his house to his son, Apaw without any payment. Under the law, the contract is valid on the basis of*)

A hutang dibatasi statut.

(*statute barred debt.*)

B tindakan sukarela lampau.

(*past voluntary act.*)

C perjanjian kasih sayang.

(*love and affection.*)

D niat untuk mewujudkan hubungan.

(*intention to create legal relation.*)

10. Berikut merupakan keadaan yang boleh menyebabkan pelepasan kontrak yang disebabkan oleh kekecewaan **kecuali**
(The following situation results in the discharge of a contract by frustration except)

- A stadium runtuh seminggu sebelum perlawanan bola sepak di adakan.
(a stadium collapsed a week before a football game is held.)
- B Marwi, seorang penyanyi menderita sakit tekak sebelum konsert diadakan.
(Marwi, a singer suffers from a sore throat just before a concert.)
- C katering untuk karnival 1Malaysia dibatalkan disebabkan oleh banjir yang teruk.
(catering for 1Malaysia carnival was cancelled due to heavy flood.)
- D Ekin enggan membuat persembahan teater setelah mendapat tawaran yang lebih menarik.
(Ekin refused to perform in a theatre after receiving a better offer elsewhere.)

11. Khilaf di bawah boleh menyebabkan sesuatu kontrak itu batal.
(The following mistake will make the contract void).

- A Kedua-dua pihak khilaf fakta dan undang-undang.
(Both parties to the agreement are making a mistake of fact and law.)
- B Kedua –dua pihak khilaf tentang undang-undang.
(Both parties to the agreement are making a mistake on a point of law.)
- C Kedua-dua pihak berfikir perkara yang sama.
(Both parties to the agreement are thinking of the same thing in the same sense.)
- D Kedua-dua pihak khilaf mengenai sesuatu perkara yang mustahak dalam perjanjian.
(Both parties to the agreement are making a mistake of fact essential to the agreement.)

12. Berikut merupakan tanggungjawab agen terhadap prinsipal **kecuali**
(*The following are the duties of agent towards his principal except*)

- A mematuhi arahan prinsipal.
(to obey the principal's instructions.)
- B melaksanakan tugas dengan berhati-hati, tekun dan mahir.
(to exercise his work with care, diligence and skills.)
- C mengemukakan akaun yang betul apabila diminta.
(to render proper accounts when required.)
- D tidak perlu menghubungi prinsipal dalam keadaan kecemasan.
(not necessary to called the principal in emergency.)

13. Selain daripada pembentukan agensi secara nyata dan tersirat, agensi boleh diwujudkan dalam keadaan-keadaan berikut **kecuali**
(*Apart from the express and implied formation of an agency, an agency may be created as follows except*)

- A keperluan.
(necessity.)
- B persekatan.
(estoppels.)
- C novasi.
(novation.)
- D ratifikasi.
(ratification.)

14. Apabila prinsipal menerima kontrak yang dilakukan oleh agen yang tidak dilantik, agen itu dipanggil sebagai

(*When the principal accepts the contract of an unauthorized act done by another person, the latter is referred to as an*)

- A agensi secara keperluan.
(*agency by necessity.*)
- B agensi secara pengesahan.
(*agency by ratification.*)
- C agensi secara estoppel.
(*agency by doctrine of estoppel.*)
- D agensi secara perlantikan tersirat.
(*agency by implied appointment.*)

15. Berikut adalah kenyataan yang **tidak benar** mengenai tanggungjawab prinsipal terhadap agen **kecuali**

(*The followings are the **incorrect** statements regarding the duties of principal towards the agent except*)

- A membayar komisyen.
(*to pay commission.*)
- B menyediakan kenderaan.
(*to prepare the transport.*)
- C menghalang agen mendapatkan komisyen.
(*prevent the agent from earning commission.*)
- D tidak melepaskan tanggungan agen
(*not indemnify the agent*)

16. Agensi akan ditamatkan melalui _____ apabila prinsipalnya meninggal dunia.

(An agency is terminated by _____ when the principal is dead.)

- A perjanjian bersama
(mutual consent)
- B kekecewaan
(frustration)
- C tindakan pihak-pihak
(act of parties)
- D tindakan undang-undang
(operation of law)

17. 'Caveat emptor' bermaksud

(Caveat emptor means)

- A penjual harus berhati-hati.
(let the seller be careful.)
- B pembeli harus berhati-hati.
(let the buyer beware.)
- C penjual dan pembeli harus berhati-hati.
(let the seller and the buyer be careful.)
- D pembeli harus jujur.
(let the buyer be honest.)

18. Menurut seksyen 12 (2) Akta Jualan Barang 1957 mendefinisikan _____ sebagai suatu janji yang penting kepada maksud utama kontrak. Perlanggarannya akan memberikan hak untuk membatalkan kontrak.

(According to section 12 (2) of the Sale of Goods Act 1957 a _____ is defined as a stipulation essential to the main purpose of the contract. The breach of which gives rise to the right to repudiate the contract.)

- A syarat
(condition)
- B waranti
(warranty)
- C hakmilik
(title)
- D milikan
(possession)

19. Manakah antara berikut **bukan** merupakan barang di bawah Akta Jualan Barang 1957?

(Which of the following are **not** goods under Sale of Goods Act 1957?)

- A Tanah.
(Land.)
- B Mesin basuh.
(Washing machine.)
- C Kereta.
(Car.)
- D Gula.
(Sugar.)

20. Manakah antara berikut pengecualian kepada peraturan 'Nemo Dat'?

(Which of the following is an exception to the Nemo Dat rule?)

A Jualan oleh wakil perdagangan.

(Sale by a merchantile agent.)

B Jualan oleh pemilik sebenar.

(Sale by a true owner.)

C Jualan oleh pemilik kontrak batal.

(Sale under a void contract.)

D Jualan oleh kontrak barang tiruan.

(Sale under a fake goods contract.)

21. Apakah kesan perjanjian sewa beli yang dibuat secara bertulis?

(What is the effect of a hire purchase agreement which is made in writing?)

A Sah.

(Valid.)

B Batal.

(Void.)

C Boleh batal.

(Voidable.)

D Boleh dikuatkuasakan.

(Enforceable.)

22. Section 5 (1) Akta Sewa Beli 1967 memperuntukkan bahawa pemilik perlu menyerahkan kepada penyewa dan penjamin satu salinan perjanjian sewa beli dalam tempoh

(*Section 5 (1) of the Hire Purchase Act 1967 requires the owner to serve on the hirer and his guarantor a copy of the hire-purchase agreement within*)

- A 7 hari.
(7 days.)
- B 14 hari.
(14 days.)
- C 21 hari.
(21 days.)
- D 30 hari.
(30 days.)

23. Perjanjian sewa beli yang ditandatangani sebelum perjanjian lengkap adalah

(*A hire purchase agreement that is signed before the agreement is completed is*)

- A sah.
(valid.)
- B batal.
(void.)
- C boleh batal.
(voidable.)
- D tidak boleh dikuatkuasakan.
(unenforceable.)

24. Perjanjian sewa beli merupakan perjanjian termasuklah _____ barang dengan opsyen untuk _____ dan perjanjian untuk pembelian barang melalui

(A hire purchase agreement includes a _____ of goods with an option to _____ and an agreement for the purpose of goods by)

- A penyewaan, membeli, ansuran.
(*letting, purchase, instalments.*)
- B pembelian, memperbaharui, ansuran.
(*purchase, renew, instalments.*)
- C penjualan, memiliki, ansuran.
(*sale, own, instalments.*)
- D penyewaan, penjualan, ansuran.
(*letting, sale, instalments.*)

25. Berikut merupakan hak statutory penyewa **kecuali**

(The following are the statutory rights of a hirer **except**)

- A hak untuk penamatan awal.
(*right to an early termination.*)
- B hak untuk menyerahkan hak, hak milik dan kepentingan dibawah perjanjian sewa beli.
(*right to assign his rights, interest & title.*)
- C hak untuk menjualkan barang yang disewa beli.
(*right to sell the goods hired.*)
- D hak untuk mengubah tempat simpanan barang.
(*right to remove the goods.*)

26. Berikut merupakan ciri-ciri sebuah cek **kecuali**

(*The followings are the characteristics of a cheque except*)

- A perintah bertulis yang bersyarat.
(it is a conditional order in writing.)
- B ditandatangani oleh pemilik.
(it is signed by the owner.)
- C dikeluarkan ke atas bank.
(it is drawn on a banker)
- D mengarahkan bank untuk membayar sejumlah wang yang pasti atas tuntutan.
(it orders the banker to pay a sum certain money on demand.)

27. Sebuah cek yang mempunyai tarikh masa hadapan daripada tarikh cek dikeluarkan adalah

(*A cheque which bears a date before the date of issue is called*)

- A cek tidak bertarikh.
(an undated cheque.)
- B cek tamat tempoh.
(an overdue cheque.)
- C cek tarikh tertunda.
(an ante-dated cheque.)
- D cek kembara.
(traveller's cheque.)

28. Cek tamat tempoh adalah

(An overdue cheque is)

- A cek yang tidak ditulis tarikh oleh pengeluar cek.
(a cheque which is not dated by the drawer.)
- B cek yang beredar dalam tempoh yang tidak munasabah.
(a cheque which has been in circulation for an unreasonable length of time.)
- C cek yang mempunyai tarikh masa hadapan.
(a cheque which bears a date in the future.)
- D cek yang dipalsukan tandatangan.
(a cheque where the signature is forged.)

29. Mengikut prinsip _____, penanggung insurans berhak membuat tuntutan ke atas pihak yang menyebabkan kejadian yang diinsuranskan.

(According to the principle of _____, the insurer has a right to claim from the party causing the insured event.)

- A subrogasi
(subrogation)
- B 'uberimae fidei'
(uberimae fidei)
- C klausula pengecualian
(exemption clause)
- D fasal asas kontrak
(contract basic clause)

30. Berikut merupakan jenis-jenis bentuk perniagaan di Malaysia kecuali
(*The following are the types of business vehicles in Malaysia except*)

- A syarikat.
(*company.*)
- B perkongsian.
(*partnership.*)
- C perniagaan tunggal.
(*sole proprietorship.*)
- D milikan tunggal terhad.
(*limited proprietorship.*)

[30 MARKAH/MARKS]

BAHAGIAN B (SECTION B)

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

(*This section consist of **SEVEN (7) questions**. Answer **ALL** questions in the answer booklet.)*

SOALAN 1

Undang-undang Inggeris dan Common law serta kaedah ekuiti membentuk sebahagian daripada undang-undang Malaysia. Bincangkan sejauh mana penggunaan undang-undang ini diaplikasi di Malaysia.

(*English common law and the rules of equity form part of the laws of Malaysia. Discuss the extent of the application of English law as applied in Malaysia.)*

(10markah/marks)

SOALAN 2

Di dalam menentukan niat untuk membentuk perhubungan di sisi undang-undang, jelaskan andaian di dalam perjanjian sosial dan domestik.

(*In determining the intention to create legal relations, explain the presumption in a social or domestic agreement.)*

(10 markah/marks)

SOALAN 3

Inman merupakan seorang petani di Johor telah mengarahkan Nash yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan untuk menghantar ikan, sayur dan lain-lain barang ke Pahang. Apabila lori sampai ke tempat lembah, hujan lebat dan banjir teruk telah menyebabkan jalan ditutup. Nash yang merasakan keadaan akan bertambah teruk dan bimbang jika sayur dan ikan yang dibawa akan rosak, telah memutuskan untuk menjual sayur dan ikan berkenaan di dalam kampung berdekatan. Inman tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Nash dan ingin menuntut jumlah kerugian yang dialami.

Nasihatkan pihak-pihak di dalam kes ini.

(Inman, a farmer in Johor, instructed Nash, who ran a transportation service, to deliver some fishes, vegetables and groceries to Pahang. When the lorry arrived at the causeway, there was heavy rain and flood which caused the road to be closed. Nash thinking that the situation will get worse and worried that the vegetables and fishes would get rotten, decided to sell the vegetables and fishes at the village nearby. Inman is upset with the decision and wants to claim for losses suffered.

Advise the parties.)

(10 markah/marks)

SOALAN 4

Secara ringkas bincangkan peraturan 'caveat emptor' dan syarat-syarat untuk menggunakan seksyen 16 (1) (a) Akta Jualan Barang 1957.

(Discuss briefly the rule on caveat emptor and its conditions in order for a buyer to invoke section 16 (1) (a) of Sale of Goods Act 1957.)

(10 markah/marks)

SOALAN 5

Din telah menyewa beli sebuah kereta di bawah perjanjian sewa beli. Jelaskan secara ringkas, hak-hak statutorinya sebagai penyewa menurut Akta Sewa Beli 1967.

(Din bought a car under a hire purchase agreement. Briefly explain his statutory rights as a hirer in accordance with the Hire Purchase Act 1967.)

(10 markah/marks)

SOALAN 6

Berdasarkan seksyen 73 Akta Bil Pertukaran 1949, lakarkan contoh cek palangan khas dan huraikan mana-mana dua jenis cek mengikut Akta tersebut.

(Based on the section 73 of the Bill of Exchange Act 1949, draw an example of the special crossed cheque and briefly explain any two types of cheques according to the said act.)

(10 markah/marks)

SOALAN 7

Bezakan di antara perkongsian dan perkongsian dengan tanggungan terhad.

(Distinguish between a partnership and a limited liability partnership.)

(10 markah/marks)

[70 MARKAH/MARKS]

KERTAS SOALAN TAMAT

(END OF QUESTIONS)